

PM: Dunia perlu kembali waras

UM 14 DEC 2002

Daripada ZAHARUDDIN MOHD. ALI

TOKYO 13 Dis. — Perdana Menteri hari ini mengajak masyarakat dunia supaya kembali berfikir waras bagi memahami masalah yang dihadapi oleh umat Islam dalam usaha mewujudkan keamanan sejagat.

Menurut Dr. Mahathir, ketika umat Islam ditindas di seluruh dunia, tidak mungkin wujud keamanan jika masalah dan penderitaan mereka tidak diambil peduli dan diberi perhatian.

“Dalam keadaan hari ini, bagaimana mungkin wujud keamanan jika semua pihak berada dalam keadaan marah dan bertekad untuk membalas dendam.

“Biarlah saya tegaskan di sini Islam bermaksud keamanan dan saya berpendapat adalah lebih baik kita berbincang di meja rundingan dengan jujur bagi memahami masalah yang umat Islam seluruh dunia hadapi dalam usaha mewujudkan keamanan,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan yang bertajuk: *Islam: Memupuk Keamanan dan Dialog dalam Dunia yang saling perlu memerlukan* pada simposium mengenai Islam di Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini hari ini.

Simposium anjuran Universiti PBB, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Jawatankuasa Ahli Parlimen Jepun mengenai Islam dan Kementerian Luar itu dihadiri lebih 500 ahli akademik dan ahli politik Jepun.

Menurut Perdana Menteri lagi, wujudnya kumpulan pengganas di kalangan umat Islam berpunca daripada kelemahan dan kegagalan mereka untuk berunding di atas dasar sama rata dengan pihak yang menindas.

“Kerajaan mungkin boleh dipaksa untuk bersetuju dengan sesuatu sya-

rat tetapi di kalangan rakyat, mereka akan terus bertindak dengan apa cara sekalipun.

“Oleh itu terdapat keperluan untuk memahami masalah sebenar yang dihadapi, umpamanya tindakan merampas tanah dan menindas umat Islam di seluruh dunia yang telah menjadi semakin meluas dan bertambah buruk sejak serangan pengganas 11 September,” jelas beliau.

Dr. Mahathir yakin jika masalah ini diatasi secara adil dengan objektif untuk menangani punca keganasan, keamanan akan dapat diwujudkan.

Beliau menambah, kerajaan di negara-negara Islam tidak dapat mengawal sepenuhnya elemen ekstrimis di negara masing-masing tetapi jika penderitaan umat Islam di atasi, perasaan marah akan kembali reda dan tentunya aktiviti pengganas berkurangan kerana mereka tidak akan mendapat sokongan.

Diceroboh

Perdana Menteri juga memberitahu, konflik di Asia Barat antara Israel dan Palestin sebenarnya bukan peperangan agama sebaliknya akibat pencerobohan tanah arab oleh regim Yahudi.

“Sesiapa juga akan bertindak yang sama jika tanah mereka diceroboh dan dirampas manakala penduduknya pula diusir. Selama 50 tahun masalah ini telah berlarutan dan kini ia disalahertikan sebagai pertelingkahan keagamaan.

“Islam bukanlah anti Yahudi dan Kristian kerana mereka masih bebas menganut agama masing-masing di negara yang diperintah oleh kerajaan Islam. Bagaimanapun jika mereka merampas dan mengusir orang Islam dari tanah air mereka, seperti orang lain, umat Islam akan bertindak untuk mendapatkan semula hak mereka,” jelas beliau.

Masyarakat antarabangsa, katanya perlu menyedari kewujudan ne-

gara Israel di tanah arab berpunca daripada tindakan masyarakat Eropah yang cuba mengatasi masalah penduduk Yahudi di benua itu.

Penduduk Eropah yang suka menakluk wilayah orang lain, tambah beliau, enggan menyerahkan jajahan mereka, sebaliknya memilih tanah Arab untuk dijadikan negara Israel dalam usaha mengatasi masalah penduduk Yahudi di benua itu.

“Sungguh mudah... mereka mengatasi masalah mereka dengan mengambil tanah orang lain untuk menyelesaikan masalah penduduk Yahudi di Eropah.

“Bagaimanapun ia satu kesilapan kerana penduduk Arab tidak nampak sebarang sebab mereka perlu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk Eropah,” jelas beliau.

Akibatnya, kata Perdana Menteri, konflik ini berlanjutan antara penduduk Arab, Eropah dan Yahudi yang kini ditafsirkan sebagai masalah yang berpunca daripada perbezaan agama.

Pada masa yang sama, katanya, konflik Palestin bukanlah punca tunggal yang menjadi penyebab kemaharan umat Islam kerana dalam banyak kes umpamanya di Iraq, Iran, Chechnya, Sudan, Libya dan di selatan Asia, penindasan terus dilakukan.

Berbanding negara lain, tindakan pantas diambil jika berlaku sesuatu konflik yang boleh mencetuskan pertumpahan darah, katanya, sambil menjadikan konflik di Bosnia-Herzegovina dan Kosovar sebagai contoh ramai penduduk Islam dibunuh sebelum tindakan diambil.

“Adakalanya kita perlu memikirkan ketika Iraq, Iran dan Korea Utara dilabel sebagai paksi kejahatan, mengapa Iran pula melabelkan pihak yang menindas mereka sebagai Syaitan besar,” jelas beliau.